



**JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING  
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN  
BILANGAN 3 TAHUN 2016**

---

**PERKHIDMATAN MYRTKNET DI BAWAH *PLATFORM SPIDERNET***

**JABATAN UKUR DAN PEMETAAN  
MALAYSIA**

**Dikeliling Kepada:**

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri  
Semua Pengarah Ukur Bahagian

**Salinan Kepada:**

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia I  
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia II  
Semua Pengarah Bahagian

**Edaran Luar:**

Setiausaha,  
Bahagian Tanah, Ukur dan Pemetaan  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)

Setiausaha,  
Lembaga Jurukur Tanah Semenanjung Malaysia (LJT)  
Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA)

**Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri  
Semua Pengarah Ukur Bahagian**

**SURAT PEKELILING  
KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN  
BILANGAN 3 TAHUN 2016**

**PERKHIDMATAN MYRTKNET DI BAWAH PLATFORM SPIDERNET**

Merujuk kepada perkara tersebut di atas, **Pekeliling KPUP Bil. 9/2005** iaitu **Garis Panduan Mengenai Penggunaan Perkhidmatan *Malaysian RTK GPS Network (MyRTKnet)*** telah dikeluarkan pada 6 September 2005, **Pekeliling KPUP Bil. 1/2008** iaitu **Garis Panduan Mengenai Ujian Alat Sistem Penentududukan Sejagat (GNSS) Yang Menggunakan *Malaysian RTK GNSS Network (MyRKnet)*** yang dikeluarkan pada 28 Februari 2008 dan **Pekeliling KPUP Bil. 6/2009** iaitu **Garis Panduan Amalan Kerja Ukur Kadaster Dalam Persekitaran eKadaster** dikeluarkan pada 9 Disember 2009 sebagai panduan kepada pengguna-pengguna yang menggunakan perkhidmatan MyRTKnet.

2. Sehubungan itu, perkhidmatan MyRTKnet di bawah *platform SpiderNet* akan dibuka penggunaannya kepada pengguna mulai **1 November 2016**. Bagi membolehkan pengguna mengakses kepada sistem baru ini maka *domain web* baru **www.rtknet3.gov.my** hendaklah dirujuk. Untuk makluman pengguna, sistem ini boleh diakses bagi kegunaan memuat turun data *Continuously Operating Reference Stations (CORS)* dan *Virtual RINEX*. Dalam hal ini, sebanyak 96 pilihan stesen CORS ditawarkan di seluruh Malaysia, iaitu sejumlah 65 stesen di Semenanjung Malaysia manakala 30 stesen lagi di Sabah dan Sarawak serta satu (1) stesen di Wilayah Persekutuan Labuan.


3. Bagi tujuan cerapan masa hakiki, pengguna boleh mengakses kepada sistem ini dengan menggunakan IP: **pxy.rtknet3.gov.my** dan daftar **port 2101** untuk mendapatkan perkhidmatan *Virtual Reference Station* (VRS). Pengguna juga boleh mendapatkan perkhidmatan *Master Auxiliary Corrections* (MAC), *Individualized Master Auxiliary Corrections* (i-MAX), *Flachen-Korrektur Parameter* (FKP), *Nearest Base* (NB), *Single Base* (SB) dan *Differential Global Positioning System* (DGPS) dengan menghubungi dan membuat permohonan kepada Jabatan ini.

4. Untuk makluman, Jabatan ini masih lagi mengoperasikan sistem MyRTKnet menerusi *platform Trimble Pivot Platform* (TPP) sehingga **11 November 2016**. Selepas dari tarikh tersebut, perkhidmatan sistem MyRTKnet menerusi *platform* TPP akan ditamatkan. Sehubungan itu, pengguna hendaklah membuat perancangan sewajarnya.

5. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan MyRTKnet, pengguna bolehlah menghubungi Bahagian Ukur Geodetik, JUPEM.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATUK SR AHMAD FAUZI BIN NORDIN, PMW, DPMT, DSAP, JSM, SMZ, KMN)**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Malaysia